

TEKS UCAPAN
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2006 BERSAMA KUKUM PADA 25
FEBRUARI 2006 BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA, KAMPUNG WAI,
KUALA PERLIS, PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Gong Xi Fa Chai, Xin Nian Kuai Le

Yang Berbahagia, En. Steven Lee, Pegawai Khas kepada YAB Menteri Besar Perlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor (Akademik Dan Pengantarabangsaan) KUKUM,

Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Rektor (Penyelidikan Dan Inovasi) KUKUM,

Yang Berusaha Tuan Haji Rusli Bin Abd Hamid, Pendaftar KUKUM,

Yang Berusaha Tuan Haji Ayob Ismail, Bendahari KUKUM,

Yang Berusaha Puan Hajjah Foyziah Ahmad Nasurudin, Ketua Pustakawan KUKUM,

Dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan,

Wakil-wakil media,

Warga kerja dan mahasiswa-mahasiswi KUKUM yang dihormati sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia serta kasih dan sayangnya yang tidak pernah putus-putus mencurahkan rezeki buat kita semua khususnya di KUKUM dan negara ini amnya. Berkat kasih, sayang dan rezeki yang dicurahkan itu lah mengizinkan kita semua pada malam ini untuk bersama-sama meraikan Sambutan Tahun Baru Cina 2006 Bersama KUKUM Di Kampung Wai, Kuala Perlis ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia En. Steven Lee, Pegawai Khas Menteri Besar Perlis kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana, sambutan kita yang seapa adanya dan sebegitulah juga untuk para tetamu yang lain.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa majlis iaitu para mahasiswa-mahasiswi kolej kediaman dan Majlis Perwakilan Pelajar yang telah bertungkus-lumus bermesyuarah menyatu idea, keringat dan usaha dalam menzahirkan majlis ini berlangsung dengan jayanya.

Saya percaya tanpa permuafakatan, semangat kerjasama yang utuh dan dedikasi sejati pasti betapa berat mata yang memandang, ringanlah bahu yang menjijingnya. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sambutan Tahun Baru Cina 2006 bersama KUKUM ini, bukanlah suatu perkara yang asing buat kita semua di universiti ini. Ia adalah sambutan kali ketiga pernah diadakan di sini dan menjadi bukti bahawa KUKUM begitu prihatin dalam memastikan intergriti nasional dan perpaduan antara kaum menjadi agenda utamanya.

Sesuai dengan objektif majlis pada malam ini iaitu untuk mengumpulkan semua warga KUKUM dan mengeratkan silaturahim sesama kita, justeru majlis seumpama ini perlu diadakan pada setiap tahun agar semua peringkat dalam masyarakat dapat berinteraksi serta menjalinkan hubungan erat demi perpaduan dan kesejahteraan bersama. Apa yang penting budaya hormat-menghormati yang menjadi teras perpaduan seluruh rakyat selama ini perlu dipertahan serta diperkukuhkan dan menjadi contoh kepada generasi akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada hari ini kita dapat melihat pelbagai kaum dan agama dapat duduk bersama merayakan perayaan ini. Walaupun masyarakat kita adalah masyarakat majmuk, namun kita tetap bertuah kerana memiliki identiti unik dengan adanya keharmonian kaum dan toleransi agama. Malah kita bersama-sama merayakan perayaan-perayaan di Malaysia dengan semangat perpaduan dalam suasana yang cukup menggembirakan. Ini membuktikan bahawa intergrasi kaum di negara ini cukup erat serta utuh.

Kita sebagai rakyat Malaysia sesungguhnya bertuah kerana masih dapat mempertahankan keharmonian dan permuafakatan antara kaum yang berbilang bangsa dan berlainan agama. Ini menunjukkan bahawa kunci kepada kejayaan ini adalah sikap toleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain. Justeru saya berharap ianya dapat dipertahan dan diperkukuh dari semasa ke semasa.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kalau kita berbalik kepada ucapan Perdana menteri Malaysia di Sidang Kemuncak Pendidikan 2004, beliau menyatakan bahawa tahap intergrasi dan kefahaman sesama kaum pada masa kini menjadi satu kebimbangan. Sekolah-sekolah kini menjadi lebih mono-kaum, dengan jumlah pendaftaran bagi pelajar bukan melayu di sekolah

kebangsaan semakin menurun dari masa ke semasa. Malah di sekolah-sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum dan universiti, budaya “klik” satu-satu bangsa telah menjadi lumrah. Pastinya, amalan ini akan menanamkan elemen salah faham dan tidak percaya sesama bangsa pada masa depan. Sekiranya budaya ini diteruskan, kita akan mula berpisah, dengan persamaan yang tidak ikhlas antara satu sama lain, dan hanya segelintir yang mempunyai hubungan jujur bagi mengikat kita bersama dalam usaha menuju ke arah wawasan yang serupa.

Sikap sebegini amat bahaya dalam proses pembangunan dan keharmonian mana-mana organisasi seperti KUKUM atau dalam konteks yang lebih besar iaitu negara Malaysia yang tercinta. Dek kerana itu, KUKUM rasa terpanggil untuk memberikan perhatian dan penekanan khusus kepada soal perpaduan di antara baik di kalangan mahasiswa-mahasiswi mahupun para warga kerjanya. Maka renungkan lah pepatah ini, “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Secara jujur, saya amat berbangga dengan penganjuran majlis ini kerana ia secara langsung membuktikan betapa mahasiswa-mahasiswi berketurunan Cina di universiti semuda ini mempunyai rasa tanggung jawab dan sikap perihatin untuk terus mengekalkan budaya mereka walaupun dalam menongkah arus pemodenan yang semakin hebat tekanannya. Menerusi majlis seumpama ini kita masih lagi mengenali tarian singa, Chap Goh Mei, Ang Pow, kuih bulan dan sebagainya. Apa yang pasti hartainggalan nenek moyang yang paling berharga akan terus subur melangkaui masa dan zaman.

Erti sambutan Tahun Baru Cina 2006 pada malam ini bertambah beerti apabila anak-anak KUKUM yang berwawasan ini akan mengadakan persembahan robotik sebagai

titik permulaan untuk menempuh cabaran “**Malaysia Book of Record**”. Anak-anak KUKUM yang berwawasan ini akan menghasilkan “**The longest Self-Moving Dragon**” yang mana panjang naga tersebut kira-kira 200 meter yang berkeupayaan bergerak sendiri.

Sesuai dengan tema majlis pada malam ini iaitu ‘The Rise of a Dragon’ yang bermaksud kebangkitan KUKUM untuk membuat segala yang terbaik. ‘Dragon’ diibaratkan dengan kekuatan dan semangat dan kebangkitan ini penting bagi KUKUM untuk menerajui bidang kejuruteraan di Malaysia.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia En. Steven Lee dan para tetamu lain yang telah sudi melapangkan masa untuk menghadirkan diri ke Sambutan Tahun Baru Cina 2006 Bersama KUKUM ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada SRK (C) Choon Siew dan SMK Perlis untuk turut serta dalam membuat persembahan pada malam ini. Ini ialah titik gerak yang baik untuk melibatkan komuniti Perlis dan sekaligus memperkenalkan nama KUKUM di khalayak Perlis. Saya berharap pada tahun-tahun yang akan datang, KUKUM berupaya melibatkan lebih banyak lagi ahli masyarakat dan pada masa yang sama KUKUM amat menekankan kepentingan amalan muafakat antara kaum seperti kata peribahasa ‘hati kuman sama dicicah, hati gajah samah dilapah’, ‘ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni’. saya ingin menekankan sekali lagi bahawa kejayaan majlis pada malam ini adalah berteraskan permuafakatan yang kukuh di antara seluruh ahli masyarakat. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.